

# Teknologi baharu mampu tingkatkan pengeluaran hasil padi

**BINTULU:** Sarawak mampu meningkatkan pengeluaran hasil padi dengan teknologi baharu yang diperkenalkan kepada para petani, kata Pengarah kampus Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) Prof. Dr. Shahrul Razid Sarbini.

Menurutnya, ia adalah antara inisiatif yang diperkenalkan oleh para penyelidik UPM Projek Transformasi Padi AgriHub@ Gedong di Lubuk Punggor.

“Justeru, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua yang telah terlibat dalam projek ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutupan Program Ceritera Padi: UPMKB AgriHub@ Gedong yang diadakan di Anjung Siswazah, Perpustakaan UPMKB di sini, baru-baru ini.

Antara aktiviti yang turut diajukan pada program itu adalah slot sembang santai, iaitu sesi perkongsian ilmu oleh pakar-pakar dalam bidang teknologi pertanian selain mengetengahkan evolusi dan transformasi padi di Sarawak.

Ia difahamkan para panel turut berkongsi pengalaman sewaktu melaksanakan projek serta impak Projek Transformasi AgriHub di

Lubuk Punggor.

Oleh itu, Dr. Shahrul dalam ucapannya berharap agar program sedemikian dapat diteruskan pada masa akan datang dengan lebih banyak penglibatan daripada pelbagai pihak.

Program tersebut diakhiri dengan demonstrasi penerbangan dron serta lawatan ke tapak pameran yang memaparkan kepelbagaiannya benih padi di Sarawak.

Selain itu, para pelanggan juga diberikan pengenalan kepada portal-portal Penyelidikan Pertanian yang boleh diakses di Perpustakaan UPMKB.



PIHAK UPMKB menganjurkan Program Ceritera Padi: UPMKB AgriHub@Gedong di universiti berkenaan bagi memberi pendedahan mengenai Projek Transformasi Padi AgriHub@Gedong, baru-baru ini.